

**KAEDAH**  
**“KARANGAN PASANG SIAP”**  
**KARANGAN BAHAGIAN A**


# LATIHAN PERBENGKELAN 1

## BAHAGIAN A

( 30 markah )

( Masa dicadangkan : 45 minit )

Gambar rajah dibawah menunjukkan sebahagian daripada petua kecemerlangan seseorang murid. Huraikan pendapat anda tentang **usaha-usaha untuk memperoleh kecemerlangan dalam akademik**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.



### Langkah 1 : Mengenal pasti Isu dan Kehendak Soalan

a) **Isu :**

.....

b) **Kehendak soalan :**

.....

## Langkah 2 : Membina karangan berdasarkan kaedah “Karangan Pasang Siap”

### a) **Pendahuluan**

Saban hari kita disajikan dengan isu .....(ISU)..... melalui media massa, media cetak dan perbincangan di institusi pengajian tinggi, parlimen dan warung-warung kopi. Isu .....(ISU)..... telah menjadi buah mulut dalam kalangan masyarakat. Sebagai rakyat Malaysia kita perlu memandang berat akan isu ini. Bak kata pepatah Melayu, berat sama dipikul ringan sama dijinjing. Berikut pendapat saya tentang .....(KEHENDAK SOALAN).....

### b) **Isi Pertama :**

- i. Antara .....( **kehendak soalan** ) ..... ialah .....
- ii. Hal ini disebabkan oleh .....
- iii. Impak daripada hal ini .....
- iv. Buktinya, .....
- v. Oleh itu, .....
- vi. Tindakan ini bersesuaian dengan peribahasa .....

### c) **Isi Kedua**

- i. Di samping itu, antara .....( **kehendak soalan** ) ..... ialah .....
- ii. Tindakan ini membolehkan .....
- iii. Implikasi daripada hal tersebut .....
- iv. Contohnya, .....
- v. Justeru, .....
- vi. Hal ini bertepatan dengan peribahasa .....

**d) Isi Ketiga :**

- i. Tambahan pula, antara .....( **kehendak soalan** ) .....ialah.....
- ii. Hal ini akan menyebabkan .....
- iii. Bukan itu sahaja, hal tersebut akan mengakibatkan .....
- iv. Misalnya, .....
- v. Lantaran itu, .....
- vi. Bak kata peribahasa Melayu .....

**e) Isi Keempat :**

- i. Seterusnya, antara .....( **kehendak soalan** ) .....ialah.....
- ii. Hal ini akan membolehkan .....
- iii. Kesan daripada situasi ini mampu .....
- iv. Contohnya, .....
- v. Hakikatnya, .....
- vi. Hal ini bertetapan dengan peribahasa .....


**f) Penutup**

Kesimpulannya, pelbagai pihak perlu member komitmen yang sewajarnya untuk **menangani / menyokong** isu ini. **Pihak berkuasa / Ibu bapa / Institusi sekolah/ Kerajaan** tidak boleh melaksanakan tugas seperti melepaskan batuk di tangga. Manakala, masyarakat pula tidak sewajarnya mengamalkan peribahasa enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing dalam **menangani / menyokong** isu ini. Kerjasama yang erat akan dapat merealisasikan hasrat Perdana Menteri yang bertepatan dengan slogan Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

## STRATEGI KHUSUS MENULIS KARANGAN

1. STRATEGI PENULISAN KARANGAN BAHAGIAN A	2. STRATEGI PENULISAN KARANGAN BAHAGIAN B
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar perlu memahami dan menjawab tugas yang diberikan dalam soalan.</li> <li>• Karangan Bahagian A yang ditulis mestilah mempunyai 5/6 perenggan iaitu:               <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ 1 Perenggan Pendahuluan</li> <li>❖ 3 / 4 Perenggan isi</li> <li>❖ 1 Perenggan Penutup</li> </ul> </li> <li>• Perenggan Pendahuluan hendaklah ditulis minimum 50 patah perkataan.</li> <li>• Setiap perenggan isi pula mestilah ditulis minimum 80 patah perkataan. Perenggan isi biasanya terdapat:               <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Isi utama.</b></li> <li>❖ <b>Ayat-ayat huraian</b> yang menyokong isi utama.</li> <li>❖ <b>Ayat contoh.</b></li> <li>❖ <b>Ayat Penegas</b></li> </ul> </li> <li>• Perenggan Penutup mestilah ditulis secara seimbang dengan panjang perenggan pendahuluan iaitu minimum 70 patah perkataan.</li> <li>• Isi yang ditulis wajib berdasarkan semua isi (bahan ransangan) yang diberikan dalam soalan sama ada <b>tiga atau empat isi.</b></li> <li>• Masukkan <b>ungkapan menarik</b> ke dalam perenggan isi atau penutup. Ungkapan menarik boleh berupa peribahasa, cogan kata, slogan, maksud hadis atau ayat Al-Quran dan kata-kata hikmat oleh orang cerdik pandai atau peribahasa daripada bahasa lain.</li> <li>• <b>Tulis karangan ini dalam masa 45 minit.</b></li> <li>• <b>Boleh menulis melebihi 250 patah perkataan</b> asalkan masa anda menulis <b>tidak melebihi masa 45 minit.</b></li> <li>• Tulisan mesti <b>boleh dibaca dengan jelas.</b></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelajar perlu <b>memahami dan menjawab tugas</b> yang diberikan dalam soalan.</li> <li>• Karangan Bahagian B yang ditulis mestilah mempunyai <b>8 perenggan</b>, iaitu:               <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ 1 Perenggan Pendahuluan</li> <li>❖ 6 Perenggan isi</li> <li>❖ 1 Perenggan Penutup</li> </ul> </li> <li>• Perenggan Pendahuluan hendaklah ditulis minimum 80 patah perkataan.</li> <li>• Setiap perenggan isi pula mestilah ditulis minimum 100 patah perkataan. Perenggan isi biasanya terdapat :               <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ <b>Isi Utama.</b></li> <li>❖ <b>Ayat-ayat huraian</b> yang menyokong isi utama</li> <li>❖ <b>Ayat contoh.</b></li> <li>❖ <b>Ayat Penegas.</b></li> </ul> </li> <li>• Perenggan Penutup mestilah ditulis secara seimbang dengan panjang perenggan pendahuluan iaitu minimum 80 patah perkataan.</li> <li>• Masukkan <b>ungkapan menarik</b> ke dalam perenggan isi atau penutup. Ungkapan menarik boleh berupa peribahasa, cogan kata, slogan, maksud hadis atau ayat Al-Quran dan kata-kata hikmat oleh orang cerdik pandai atau peribahasa daripada bahasa lain.</li> <li>• Tulis karangan ini dalam masa <b>1 jam 30 minit.</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ 10 minit pertama.</li> </ul> </li> <li>• Baca kesemua lima soalan yang diberikan dalam bahagian B.</li> <li>• Pilih satu soalan yang anda yakin boleh menjawab.</li> <li>• Buat rangka karangan. Gunakan peta minda.               <ul style="list-style-type: none"> <li>❖ 1 jam 15 minit seterusnya                   <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mula menulis karangan.</li> </ul> </li> <li>❖ 5 minit terakhir                   <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Semak ayat dan ejaan.</li> </ul> </li> </ul> </li> <li>• Bilangan patah perkataan <b>mesti melebihi 350</b> patah perkataan.</li> <li>• <b>Ikut format</b> sekiranya karangan berformat.</li> <li>• Pastikan tulisan anda <b>boleh dibaca dengan jelas.</b></li> </ul>

## STRATEGI MEMBINA PERENGGAN 7 BINTANG



### Catatan:

- **Ungkapan menarik** boleh terdiri daripada peribahasa, simpulan bahasa, bidalan, pepatah, perumpamaan, maksud peribahasa asing, maksud ayat Al-Quran atau hadis, kata-kata orang-orang cerdik pandai atau ahli falsafah dan juga moto atau slogan.
- **Fakta Menarik dan Tepat** perlu dimasukkan dalam setiap karangan. Fakta menarik akan membantu mengukuhkan sesuatu karangan agar kelihatan seperti betul, tepat dan sah sumbernya. Fakta tepat diperolehi melalui pembacaan sama ada dalam media cetak mahupun media elektronik.
- **Penanda Wacana Menarik** juga membantu kejelekitan dalam sesebuah karangan sama ada kejelekitan dalam sesuatu perenggan sewaktu mengolah sesuatu isi mahupun kejelekitan antara perenggan, iaitu antara suatu isi dengan isi-isi yang lain.

- **Huraian Ayat Contoh** merupakan ayat yang menghuraikan contoh yang diberi. Sesuatu contoh yang diberikan dalam menghuraikan sesuatu isi haruslah dihuraikan dengan baik. Huraian contoh ini perlu menggunakan ayat-ayat yang ampuh dan dicanai dengan baik.

1. PANDUAN MUDAH UNTUK MENULIS SATU PERENGGAN ISI 7 BINTANG BAGI BAHAGIAN A DAN B.	2. PENANDA WACANA
<p><b>Untuk menulis <u>Ayat Topik</u> anda perlu menjawab soalan berikut.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah isi yang menepati tugas, tema atau kehendak soalan?</li> </ul> <p><b>Untuk menulis <u>Ayat-ayat Huraian</u> anda boleh menggunakan soalan-soalan berikut.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengapakah isi ini berkaitan dengan tugas?</li> <li>• Bagaimanakah isi ini dapat diaplikasikan?</li> <li>• Apakah impak atau kesan jika isi ini dilaksanakan?</li> <li>• Siapakah yang terlibat dengan isi ini?</li> <li>• Apakah ungkapan menarik yang dapat digunakan untuk menggambar apa-apa situasi yang berlaku semasa isi ini dikembangkan?</li> <li>• Apakah faedah yang diperolehi jika isi ini diaplikasikan?</li> </ul> <p><b># Pilih dan gunakan soalan yang sesuai sahaja. Untuk menulis <u>Ayat Contoh</u> anda boleh menjawab soalan-soalan berikut.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah contoh, pendapat orang ternama atau fakta yang sesuai dengan isi ini?</li> <li>• Apakah kaitan contoh ini dengan isi?</li> <li>• Bagaimanakah contoh, pendapat orang ternama atau fakta ini dapat membantu menguatkan hujah anda bagi isi ini?</li> <li>• Apakah ungkapan menarik yang boleh digunakan untuk ayat contoh?</li> <li>• Adakah contoh atau nama yang digunakan benar dan tepat?</li> </ul> <p><b>Untuk menulis <u>Ayat Penegas</u> anda boleh menggunakan mana-mana satu soalan berikut.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Apakah perkaitan isi ini dengan tugas, tema atau kehendak soalan?</li> <li>• Apakah impak isi ini kepada tugas?</li> <li>• Adakah contoh atau nama yang digunakan benar atau tepat?</li> </ul> <p><b>Peringatan.</b> Semua jawapan mesti ditulis dalam satu perenggan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Susun jawapan anda</b> mengikut kesesuaian atau keutamaan</li> <li>• <b>Gunakan penanda wacana</b> untuk menjamin kesinambungan ayat-ayat.</li> <li>• <b>Gunakan istilah-istilah baru</b> seperti <i>cakna</i>, <i>culas</i>, <i>luwes</i>, <i>anggun</i> dan sebagainya.</li> </ul>	<p>Penanda Wacana merupakan perangkai ayat untuk menentukan perkaitan atau kesinambungan antara satu idea dengan satu idea yang lain dalam ayat atau perenggan. Beberapa penanda wacana yang sering digunakan adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Selain itu.</li> <li>• Akhirnya.</li> <li>• Pada umumnya.</li> <li>• Keadaan ini.</li> <li>• Seterusnya.</li> <li>• Keseluruhannya.</li> <li>• Namun begitu</li> <li>• Jadi.</li> <li>• Tegasnya.</li> <li>• Akibatnya.</li> <li>• Sementara.</li> <li>• Dalam nada berbeza.</li> <li>• Begitu jua</li> <li>• Kalau demikian.</li> <li>• Sebaliknya.</li> <li>• Walau bagaimanapun.</li> <li>• Sejajar dengan itu.</li> <li>• Walaupun.</li> <li>• Sebelumnya.</li> <li>• Meskipun demikian.</li> <li>• Kesimpulannya</li> <li>• Kini,</li> <li>• Oleh hal demikian,</li> <li>• Pada amnya,</li> <li>• Khususnya,</li> <li>• Dengan perkataan lain,</li> <li>• Pada keseluruhannya,</li> <li>• Ringkasnya,</li> <li>• Jelaslah,</li> <li>• Tuntasnya,</li> <li>• Intihannya,</li> <li>• Oleh itu,</li> <li>• Selain itu,</li> <li>•</li> </ul> <p><b>Peringatan : Elakkan daripada menggunakan kata hubung sebagai penanda wacana.</b></p> <p><b>a. Penanda Wacana Untuk Memulakan Ayat Pendahuluan Karangan.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sadasawarsa ini sering meniti dari bibir ke bibir umat manusia di segenap empat penjuru dunia ini tentang isu...</li> <li>• Era pascaperindustrian dan pascaglobalisasi yang serba akal serta minda kita telah....</li> <li>• Sudah terang lagi bersuluh, semakin hari kita semakin menghampiri ambang 2020.</li> <li>• Keadaan ini menandakan titik permulaan pelbagai cabaran dan rintangan yang bakal menghambat...</li> </ul>

- |  |                                                                                                                                                                                               |
|--|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  | <ul style="list-style-type: none"><li>• Dasawarsa ini, sama ada kita sedar atau tidak lantaran terlalu dihidangkan dengan pembangunan Negara yang semakin gah di persada dunia kita</li></ul> |
|--|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

## Contoh Jawapan Karangan A :

Marcapada (*Kosa Kata Menarik / KKM*), Negara kita mengalami ledakan teknologi yang meningkatkan produktiviti Negara. Hal ini disebabkan oleh dasar langit terbuka (*Frasa Menarik / FM*) yang diamalkan oleh kerajaan dalam menyerap masuk teknologi baru daripada negara-negara luar. Syarikat-syarikat yang membangunkan teknologi maklumat dan komunikasi di Negara kita juga kini berkembang pesat bagai cendawan tumbuh selepas hujan (*Ungkapan Menarik / UM*). Hal ini memberikan banyak faedah khususnya kepada rakyat (*Ayat Penegas Pendahuluan / APP*).

Antara faedah menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi adalah memudahkan kita untuk melayari laman web dan melakukan kerja-kerja menggunakan komputer (*Ayat Topik / AT*). Hal ini kerana komputer dilengkapi dengan perisian-perisian yang direka khas untuk memudahkan kerja manusia (*Ayat Huraian 1 / AH1*). Kita dapat meningkatkan kecekapan bekerja (*Frasa Menarik / FM*) dengan menggunakan komputer (*Ayat Huraian 2 / AH2*). Selain itu, data-data kerja dapat disimpan dengan (*Ayat Huraian 3 / AH3*) bersistematik (*Kosa Kata Menarik / KKM*) dan selamat dengan menggunakan komputer. Tamsilannya (*Penanda Wacana Menarik / PWM*), data-data pesakit di hospital dapat disimpan secara bersistematik dan cekap (*Ayat Contoh / AC*). Intihanya, komputer dapat meningkatkan kecekapan bekerja kita (*Ayat Penegas / AP*).

Di samping itu, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam institusi pendidikan kini menggunakan projektor LCD (*AT*). Hal ini demikian kerana, proses P & P menjadi lebih mudah dan menarik dengan menggunakan cara ini. Guru-guru hanya perlu menaip maklumat yang ingin disampaikan dalam bentuk perisian komputer (*AH1*) dan data tersebut akan dipaparkan di layar putih (*AH2*). Sebagai contoh, pembelajaran Sains dan Matematik menjadi lebih mudah dengan cara ini (*AC*). Para pelajar lebih mudah memahami subjek-subjek tersebut berdasarkan video dan animasi yang (*AH3*) interaktif (*KKM*). Tuntasnya, teknologi maklumat memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran (*AP*).

Teknologi maklumat juga memudahkan rakaman gambar dilakukan dengan kamera digital (*AT*). Kamera digital merupakan hasil inovasi yang hebat (*FM*) kerana tidak perlu menggunaan filem (*AH1*). Hal ini memudahkan pengguna kerana mereka tidak perlu mengeluarkan wang untuk membeli filem (*AH2*). Selain itu, pencemaran alam sekitar dapat dikurangkan (*AH3*). Sebagai tamsilan, filem-filem yang dibuang tidak boleh reput dan menghasilkan bahan kimia yang berbahaya (*AC*). Oleh itu, penggunaan kamera digital memberikan banyak manfaat kepada kita (*AP*).

Selain itu, telefon bimbit merupakan alat perhubungan yang tidak asing lagi (*AT*). Hampir semua lapisan masyarakat menggunakan alat ini untuk tujuan komunikasi (*AH1*). Telefon bimbit telah mengalami proses inovasi (*FM*) dan kini, alat ini mempunyai pelbagai fungsi (*AH2*). Secara realitinya, telefon bimbit memudahkan kita berkomunikasi dengan ahli keluarga baik di dalam mahupun di luar negara (*AC*). Usuhnya (*PWM*), telefon bimbit dapat meningkatkan kualiti hidup (*AP*).

Sebagai pengulang kata (*PWM*), teknologi maklumat dan komunikasi yang membangun dengan pesat memberikan banyak faedah kepada kita (*Rumusan 1 / R1*). Penggunaan teknologi dalam kehidupan seharian mampu meningkatkan kualiti dan taraf hidup kita (*Rumusan 2 / R2*). Selain itu, perkongsian maklumat dan penyebarannya dapat dilakukan dengan mudah dan efisien (*Rumusan 3 / R3*). Oleh itu, semua pihak harus berganding bahu membangunkan teknologi maklumat dan komunikasi agar produktiviti dan ekonomi negara dapat dijana dengan cemerlang (*Ayat Penegas Rumusan / APR*).

(Anggaran 413 patah perkataan)

### Kosa Kata Menarik:

1. *Marcapada* – dunia sekarang ini
2. *Tamsilan* – contoh, ibarat, persamaan, perumpamaan.



3. *Bersistematik* – berasaskan atau menurut system
4. *Intiha* – akhir, penghabisan, penutup.
5. *Interaktif* – membolehkan pengaliran maklumat dua hala yang berterusan antara komputer dengan penggunaannya, atau antara pengguna dengan pengguna melalui komputer
6. *Tuntas* – secara menyeluruh (tidak menyentuh aspek-aspek tertentu sahaja); / singkat dan tegas
7. *Uswah* – teladan, contoh (ikutan)

## Contoh Karangan Bahagian B

Baca contoh karangan di bawah. Tandakan kosa kata-kosa kata menarik, frasa-frasa menarik, penggunaan penanda wacana, ayat topik, ayat-ayat huraian, ayat contoh / fakta dan ayat penegas dalam karangan tersebut. Bincangkan bersama guru anda.

### Soalan:

Dunia remaja dikatakan sebagai dunia yang penuh dengan cabaran dan dugaan.

Bincangkan pernyataan di atas

Remaja dapat didefinisikan sebagai individu yang berusia di antara 13 hingga 24 tahun. Zaman remaja merupakan proses persediaan individu untuk melangkah kea lam dewasa. Dunia remaja dipenuhi pelbagai dugaan dan cabaran yang perlu ditempuhi oleh para remaja. Jati diri yang utuh dan keimanan yang kuat diperlukan oleh para remaja bagi mengelakkan diri daripada tergelincir daripada norma-norma kehidupan yang sebenar.

Antara cabaran yang remaja mesti ditempuhi dalam kehidupan ialah cabaran sosial. Generasi pascamerdeka kini lebih mementingkan budaya popular dan hedonisme berbanding dengan agama. Pengaruh-pengaruh Barat yang berjaya meracuni fikiran mereka menyebabkan mereka alpa dan lalai dengan dunia. Sebagai remaja yang pintar, kita seharusnya tidak mengamalkan keseronokan melebihi ketaatan kepada agama. Sebagai contoh, budaya berpasang-pasangan kini merupakan perkara biasa bagi golongan remaja. Hal ini, mencetuskan pelbagai gejala sosial rentetan pergaulan bebas para remaja. Remaja seharusnya mempunyai jati diri yang utuh untuk menangkis pengaruh negatif. Tuntasnya, remaja harus bijak mengatasi cabaran sosial yang dihadapi.

Selain itu, remaja kini berdepan dengan cabaran pelajaran yang kian meningkat. Hal ini demikian kerana persaingan dalam kalangan remaja dalam bidang akademik amat hebat. Remaja kini bersaing untuk mendapatkan pencapaian gemilang dalam peperiksaan bagi melayakkan mereka mendapat tawaran belajar di luar Negara. Para remaja harus bijak mengatur strategi belajar bagi mencapai keputusan seperti yang diharapkan. Sebagai tamsilan, remaja harus mempunyai jadual waktu belajar bagi memudahkan mereka mengatur masa untuk menelaah pelajaran. Hal ini dapat membantu para remaja untuk belajar secara konsisten dan mengurangkan tekanan yang dihadapi. Hasilnya, keputusan yang cemerlang dapat dicapai. Tegasnya, remaja harus pandai mengorak langkah menuju kejayaan.

Seterusnya, dunia remaja juga sentiasa dipenuhi dengan cabaran emosi yang tidak stabil. Remaja akan berdepan dengan pelbagai masalah yang dapat mengganggu kestabilan emosi. Dalam hal ini remaja harus bijak mengatasi gangguan emosi tanpa membiarkannya menular bagai kanser yang merosakkan anggota badan. Para remaja seharusnya berfikiran positif dan sentiasa bersikap terbuka agar masalah yang memeningkan kepala ini dapat diselesaikan. Uswahnya, remaja harus bijak mengatasi perasaan sedih agar perasaan itu tidak mematahkan semangat untuk berjaya dalam perkara yang sedang diusahakan. Ironinya, remaja perlu menganggap segala musibah sebagai dugaan dan mempunyai hikmat yang tersendiri. Oleh itu, remaja harus kreatif dalam menggunakan sumber yang ada untuk menjana pendapatan.

Selain itu juga, dunia remaja dipenuhi dengan cabaran mental dan fizikal. Remaja akan mengalami proses transformasi fizikal dan mental yang menyebabkan mereka menjadi lebih matang. Para remaja harus mempunyai mental yang kuat untuk menghadapi cabaran agar kecamukan minda dapat dihindari. Selain itu, remaja harus sentiasa berpandangan jauh agar mental tidak tertekan dan sukma tidak menjadi resah. Para remaja juga harus menguatkan lagi fizikal mereka agar bias melakukan aktiviti harian dengan sempurna. Sebagai tamsilan, remaja harus mempunyai mental dan fizikal yang kuat ketika menghadapi peperiksaan. Remaja harus bijak mengatasi stress agar kesihatan diri terjamin. Intihanya, kekuatan mental dan fizikal penting untuk kesihatan remaja.


Sebagai akhir kalam, remaja harus bijak menghadapi cabaran yang mendatang sebagai persediaan melangkah ke alam dewasa. Remaja juga harus menimba pengalaman berdasarkan cabaran yang dihadapi untuk digunakan pada masa hadapan. Selain itu, remaja harus membuka fikiran mereka dan sentiasa berfikir di luar kotak untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. Remaja merupakan cerucuk utama pelapis kemajuan Negara. Oleh itu, kita haruslah bijak mengatasi cabaran agar modal insan kelas pertama yang gemilang dari segenap perspektif dapat dilahirkan.

(Anggaran 633 patah perkataan)

### Latihan Karangan Rangsangan 1

Lihat gambar rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang cara-cara memupuk perpaduan kaum di Malaysia. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

#### CARA-CARA MEMUPUK PERPADUAN KAUM DI MALAYSIA



Tema/Isu : .....

Mahendak soalan : .....

### Latihan Karangan Rangsangan 2

Soalan:

Berdasarkan gambar di bawah, huraikan pendapat anda tentang **punca-punca kemalangan jalan raya di Malaysia**. Panjang karangan anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



cuai ketika memandu



mengambil minuman keras

### Latihan Karangan Rangsangan 4

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **faedah-faedah menyertai aktiviti sukan di sekolah**. Panjang huraian anda **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

**AKTIVITI SUKAN DI SEKOLAH**



MENGELAKKAN GEJALA SOSIAL

MENYIHATKAN TUBUH BADAN

MENINGKATKAN KEMAHIRAN

MENGERATKAN HUBUNGAN

Tema/Isu : .....

Kehendak soalan : .....

### Latihan Karangan Rangsangan 5

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan amalan berjimat cermat**. Panjang huraian anda hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.



Tema/Isu : .....

Kehendak soalan : .....



kerja-kerja naik taraf jalan



tidak mematuhi peraturan

Tema/Isu : .....

Kehendak soalan : .....

### Latihan Karangan Rangsangan 3

Lihat carta di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri remaja berwawasan. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Tema/Isu : .....

Kehendak soalan : .....

## Latihan Karangan Rangsangan 6

Lihat rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah yang diperolehi daripada industri pertanian. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.




Tema/Isu : .....

Kehendak soalan : .....

## Latihan Karangan Rangsangan 7

Lihat logo di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat membeli barangan buatan Malaysia. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

### USAHA UNTUK MENGGALAKKAN MASYARAKAT MEMBELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA



Tema/Isu : .....

Kehendak soalan : .....

### Latihan Karangan Rangsangan 8

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang nilai murni yang harus diamalkan oleh remaja dalam kehidupan. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

#### AMALAN NILAI MURNI



Tema/Isu : .....

Kehendak soalan : .....

### Latihan Karangan Rangsangan 9

Lihat gambar rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah mengambil sarapan pagi. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Tema/Isu : .....

Kehendak soalan : .....

## Latihan Karangan Rangsangan 10

[ 30 markah ]

*Gambar rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada cara menyayangi sekolah. Huraikan pendapat anda tentang cara-cara menyayangi sekolah. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*



**Tema/Isu :** .....

**Kehendak soalan :** .....

Bahagian B

[ 100 markah ]

[ Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

*Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis karangannya yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.*

1. Kebanyakan pelajar begitu berminat untuk mengikuti program motivasi yang dianjurkan oleh pihak sekolah atau pihak luar.  
Sebagai salah seorang pelajar yang sering mengikuti program motivasi, jelaskan kelebihan program tersebut yang boleh dimanfaatkan dalam kehidupan seharian.
2. Kejayaan anak-anak dalam pelbagai bidang sering kali dikaitkan dengan sokongan daripada institusi keluarga.  
Berikan ulasan anda tentang pernyataan tersebut.
3. Kemajuan bidang teknologi maklumat dan komunikasi membawa banyak manfaat kepada kehidupan masyarakat di Malaysia.  
Bincangkan.
4. Kegiatan jenayah yang membabitkan pemerdagangan manusia kini menjadi isu sejagat.  
Jelaskan tindakan yang dapat dilaksanakan oleh Malaysia dan negara jiran untuk menangani masalah tersebut.
5. Anda begitu teruja untuk menyertai pertandingan menulis cerpen anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Berdasarkan tajuk “ Buang yang keruh, ambil yang jernih” tulis sebuah cerpen yang menarik.